

23 JUN 1997

FORD DAN GENERAL MOTORS MINAT MELABUR DI MALAYSIA, KATA DUTA AS

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pembuat kereta Amerika seperti Ford dan General Motors berminat meluaskan operasi mereka ke Asia Tenggara, terutamanya di Malaysia, untuk mengeluarkan komponen bagi pasaran dunia.

Ford dan General Motors, yang telahpun mempunyai kilang pemasangan masing-masing di Vietnam dan Thailand, mungkin mahu bekerja sama dengan pengeluar kereta nasional Proton untuk mengeksport alat ganti/komponen kenderaan di seluruh dunia, kata Duta Amerika Syarikat ke Malaysia John Malott.

"Jika mereka dapat menyertai dalam pasaran Malaysia, eksport automobil dan komponen auto Proton di pasaran antarabangsa akan meningkat," katanya kepada pemberita apabila memberi taklimat mengenai hasil lawatan kelima-lima duta AS di Asean ke Rivine di California, Detroit, Boston dan New York.

Malott, bagaimanapun, berkata Proton, yang dengan agresif menerokai seberang laut dalam jualan kereta, mempunyai sedikit komponen auto yang dieksport ke seluruh dunia secara besar-besaran, yang membayangkan bahawa gabungan dengan Ford atau GM boleh memberikan hasil yang lebih baik bagi pengeluar kereta tempatan itu di seberang laut.

Pada keseluruhan, Malott menyarankan agar Malaysia melaksanakan liberalisasi lebih lanjut dalam tiga bidang untuk menarik pelabur Amerika, iaitu automobil, runcitan dan perkhidmatan kewangan.

Katanya syarikat AS teragak-agak untuk bekerja dan melabur di Malaysia disebabkan had 30 peratus pegangan saham yang menyekat syarikat asing, terutamanya dalam operasi runcitan.

"Mereka akan enggan mempunyai rakan kongsi yang tidak menambah nilai... benarkan mereka melakukan 100 peratus kerja, memberikan 100 peratus teknologi dan kepakaran... tetapi memiliki hanya 30 peratus daripada syarikat," jelas beliau.

Mengenai Koridor Raya Multimedia, katanya beberapa syarikat terkeliru terhadap apa yang dimaksudkan dengan terminologi multimedia dalam MSC, "sama ada ia merujuk kepada produk multimedia atau sebaliknya."

Katanya patut ada lebih banyak penjelasan mengenai MSC.

Malott berkata beliau, bagaimanapun, memberi jaminan kepada para peniaga AS "bahawa melihat ke Malaysia dan rekod kejayaannya, apabila mereka berkata mereka akan berbuat sesuatu, khususnya apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakannya, mereka akan lakukan sesuatu." -- BERNAMA

YY OS/sia